HAMZAH BIN MOHD KASSIM

lwn.

HAJJAH NAFISAH BT MOHD KASSIM & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[R.S. NO. 12-37-92]
17 OGOS 1993

AMALAN & PROSEDUR: Prosiding pihak ketiga - Permohonan meminta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga - Samada boleh dibuat secara ex-parte - Samada permohonan perlu disampaikan kepada pihak ketiga - Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 12 kk. 2(1), 2(2).

Responden dalam kes ini telah membuat permohonan meminta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga di bawah A. 12 k. 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (KMR). Mahkamah Sesyen Seremban telah membenarkan responden membuat permohonan tersebut secara *ex-parte*. Perayu membantah dan merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen ini dan berhujah bahawa permohonan defendan itu hendaklah dibuat secara inter-parte iaitu permohonan tersebut hendaklah disampaikan kepada defendan.

Diputuskan:

[1] Permohonan defendan adalah di bawah A. 12 k. 2(1) KMR 1980 iaitu memohon kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga. Maka itu menurut peruntukan A. 12 k. 2(1), beliau mestilah membuatnya melalui notis dalam Borang 28 yang disokong dengan suatu afidavit yang mengandungi butir-butir seperti yang dibentangkan dibawah perenggan (a) hingga (d) kaedah 2(1) tersebut. Daripada afidavit menyokong yang sedemikian dan daripada perkataan-perkataan akhir yang digunakan dalam Borang 28 yang berbunyi "kepada plaintif dan tiap-tiap defendan", adalah jelas bahawa permohonan di bawah A. 12 k. 2(1) KMR 1980 itu boleh dibuat melalui notis secara *ex-parte* dalam borang 28. Perkataan "jika suatu perintah dibuat memberikan kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga" dalam A. 12 k. 2(2), yang jelas merujuk kepada perintah Mahkamah memberikan defendan kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga ekoran dari permohonan di bawah A. 12 k. 2(1), memperkuatkan lagi pendapat ini.

[2] Dari pembacaan A. 12 k. (2)(1) dan k. 2(2) KMR rumusan yang boleh dibuat ialah bahawa permohonan dibawah A. 12 k. 2(1) KMR meminta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga tidak payah disampaikan kepada bakal pihak ketiga sehinggalah bakal pihak ketiga tersebut betul-betul telah dijadikan pihak ketiga menurut A. 12 k. 2(2)(a) KMR.

[Rayuan ditolak].

Akta-akta yang dirujuk:
Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 1 k. 4(1), A. 12 kk. 1, 2 (2)(a), 2(1), 2(2), A. 16 k. 1(2), 2(1)

Sumber lain yang dirujuk:
The Subordinate Courts Practice 1981 [1981 Edn.], K. S. Dass

Bagi pihak perayu - Bernard Poi; T/n. Poi Tzse Meng & Co.
Bagi pihak responden - S.K. Lingam; T/n. S.K. Lingam & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Isu tunggal dalam kes ini ialah suatu persoalan prosedur iaitu sama ada defendan dalam permohonannya meminta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga di bawah A. 12 k. 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (selepas ini dikenali KMR 1980) perlu menyampaikan permohonan tersebut kepada pihak ketiga itu atau dibuat secara *ex-parte* sahaja.

Pada 30 September, 1992 Mahkamah Sesyen Seremban dalam Saman No. 52-168-92 telah memutuskan bahawa defendan boleh membuat permohonan tersebut secara *ex-parte*. Perayu dalam kes ini pula berpendapat bahawa permohonan defendan tersebut hendaklah dibuat secara *inter-parte* iaitu permohonan tersebut hendaklah disampaikan kepada pihak ketiga.

Aturan 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 adalah mengenai prosiding pihak ketiga dan prosiding yang serupa dan menamakan dua jenis Borang iaitu Borang 27 (notis pihak ketiga) hendaklah digunakan apabila membuat permohonan di bawah A. 12 k. 1 dan Borang 28 (Notis permohonan minta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga) hendaklah digunakan apabila membuat permohonan di bawah A. 12 k. 2. Kaedah 1 tersebut bercakap tentang "notis pihak ketiga" sementara k. 2

pula bercakap tentang "permohonan minta kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga".

Dapat diperhatikan bahawa tidak seperti A. 16 k. 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di mana dinyatakan bahawa peraturan minta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga oleh defendan boleh dibuat tanpa kebenaran jika tindakan itu telah dimulakan melalui writ dan defendan mengeluarkan notis tersebut sebelum menyampaikan pembelaannya kepada plaintif. (Lihat A. 16 k. 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980) Akan tetapi tiada peruntukan sedemikian dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. Jadinya dalam permohonan seperti itu di Mahkamah Rendah defendan mestilah mendapatkan kebenaran Mahkamah untuk mengeluarkan notis pihak ketiga. Itupun permohonan minta kebenaran tersebut hanya boleh dibuat setelah defendan menfailkan pembelaan. (Lihat A. 12 k. 1 KMR 1980).

Peguambela yang bijaksana bagi pihak perayu berhujah bahawa, "pihak ketiga dalam prosedur Mahkamah Rendah menjadi pihak dalam tindakan dengan secara automatik apabila kebenaran diberi oleh Mahkamah", dan beliau memetik A. 12 k. 2 (2)(a) KMR 1980. Saya bersetuju dengan hujah Peguambela yang bijaksana itu bahawa bakal pihak ketiga mestilah ditambahkan sebagai pihak ketiga dan bakal pihak ketiga hendaklah menjadi pihak ketiga dalam tindakan itu sebaik sahaja kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga yang dipohon oleh defendan diberikan oleh Mahkamah. (Lihat A. 12 k. 2 (2)(a) KMR 1980).

Walau bagaimanapun, Peguambela yang bijaksana tersebut telah mengutarakan pendapat K.S. Dass yang menuliskan dalam bukunya berjudul "**The Subordinate Courts Practice 1981"** [1981 Edn.] pada muka surat 205, baris 21-23, "An application for leave to issue and serve third party notice must be made by notice in Form 284 and it must be supported by an affidavit5 " dan notakaki 5 berbunyi, "of RHC 1980 O. 16 r. 2(1). In the High Court the application may be made *ex-parte*; O. 16 r. 2(1). In the Subordinate Courts it must be made inter-parties" dan menggesa saya supaya menurut pendapat K. S. Dass tersebut.

Dengan rasa hormat saya tidak bersetuju dengan pendapat K.S. Dass itu oleh kerana pendapatnya itu adalah berlawanan dengan A. 12 k. 2 (2) KMR 1980. Saya berpendapat bahawa A. 12 k. 2 (1) KMR 1980 adalah suatu permohonan **minta kebenaran** sementara A. 12 k. 2(2) KMR 1980 adalah suatu perintah **memberikan kebenaran** ekoran daripada sesuatu permohonan minta kebenaran di bawah A. 12 k. 2(1) tersebut tadi. (Penekan oleh saya).

Dalam kes di hadapan saya defendan membuat permohonan di bawah A. 12 k. 2(1) KMR 1980 iaitu meminta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga. Jadinya beliau mestilah membuatnya melalui notis dalam Borang 28 yang disokong dengan suatu afidavit yang menyatakan:

(a) jenis tuntutan yang dibuat oleh plaintif dalam tindakan itu;
(b) peringkat prosiding yang telah tercapai dalam tindakan itu;
(c) jenis tuntutan yang dibuat oleh pemohon atau butir-butir mengenai soalan atau isu yang hendak diputuskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan fakta-fakta yang berdasarkan kepadanya notis pihak ketiga itu dicadangkan; dan
(d) nama dan alamat orang yang terhadapnya notis pihak ketiga itu hendak dikeluarkan.

Dapat diperhatikan daripada afidavit yang menyokong Borang 28, terutamanya (c) dan (d) dan perkataan-perkataan akhir yang digunakan dalam Borang 28 yang berbunyi, "kepada plaintif dan tiap-tiap defendan" bahawa permohonan di bawah A. 12 k. 2(1) KMR 1980 itu bolehlah dibuat melalui notis secara *ex-parte* dalam Borang 28. Pendapat saya itu diperkuatkan lagi oleh A. 12 k. 2(2) yang berbunyi, "jika suatu perintah dibuat memberikan kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga" yang bermakna apabila permohonan di bawah A. 12 k. 2(1) tersebut diluluskan dalam ertikata Mahkamah telah membuat perintah memberikan defendan kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga,

(a) orang itu mestilah ditambahkan sebagai dan hendaklah menjadi pihak ketiga dalam tindakan itu;
(b) memorandum mengenai perintah itu mestilah dicatatkan pada saman dan dalam Buku Kausa;
(c) Mahkamah mestilah menetapkan hari kembalian untuk pendengaran lanjut saman itu dan boleh memberikan apa-apa arahan dan membuat apa-apa perintah untuk perjalanan lanjut prosiding itu.

Jadinya jelaslah di sini bahawa permohonan di bawah A. 12 k. 2(1) tersebut tidak payah disampaikan kepada bakal pihak ketiga, sehingga beliau betul-betul telah dijadikan pihak ketiga menurut A. 12 k. 2 (2)(a) tersebut. Ini adalah kerana defendan, dengan kebenaran Mahkamah, bolehlah mengeluarkan suatu notis pihak ketiga dalam Borang 27 dan notis tersebut hendaklah disampaikan kepada pihak ketiga itu. A. 12 k. 1 KMR 1980 berbunyi:

> Jika dalam apa-apa tindakan, seorang defendan yang telah menfailkan pembelaan dalam tindakan itu:
>
> (a) menuntut apa-apa sumbangan atau tanggung rugi daripada seseorang yang belum lagi menjadi pihak dalam tindakan itu; atau
> (b) ...
> (c) ...
>
> maka, defendan boleh, **dengan kebenaran Mahkamah,** mengeluarkan suatu notis pihak ketiga dalam Borang 27 yang mengandungi suatu pernyataan tentang jenis tuntutan yang dibuat terhadapnya dan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada tentang jenis dan alasan-alasan tuntutan yang dibuat olehnya atau tentang soalan atau isu yang hendak diputuskan.
>
> (Penekanan oleh saya).

Dapat diperhatikan di sini bahawa perkataan-perkataan yang saya beri penekanan di atas iaitu "dengan kebenaran Mahkamah" sebenarnya merujuk kepada perintah yang dibuat Mahkamah memberikan kebenaran di bawah A. 12 k. 2(2) tersebut ekoran daripada permohonan yang dibuat oleh defendan di bawah A. 12 k. 2(1) KMR 1980. Permohonan defendan di bawah A. 12 k. 1 KMR 1980 bagi mengeluarkan suatu notis pihak ketiga itu hendaklah disampaikan kepada pihak ketiga oleh kerana apabila Mahkamah telah memberikan kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga, maka orang yang bakal dijadikan pihak ketiga itu mestilah ditambahkan sebagai pihak ketiga dan orang yang bakal dijadikan pihak ketiga itu juga hendaklah menjadi pihak ketiga dalam tindakan itu menurut A. 12 k. 2(2)(a) KMR 1980. Perkara ini menjadi lebih jelas apabila diperhatikan bahawa dalam Borang 27 selepas Tajuk Am disebut, "dan Pihak Ketiga...Dikeluarkan menurut Perintah Mahkamah bertarikh pada...haribulan...19...," yang memberikan perintah Mahkamah yang dibuat di bawah A. 12 k. 2(2) tersebut ekoran daripada permohonan yang disebut oleh defendan di bawah A. 12 k. 2(1) KMR 1980 dan perkataan-perkataan akhir yang digunakan yang berbunyi, "Kepada pihak ketiga".

Peguambela yang bijaksana bagi pihak responden telah menarik perhatian saya kepada peruntukan Aturan 1 Kaedah 4(1) KMR 1980 iaitu mengenai jika tiada prosidur dirumuskan dan kaedah tersebut berbunyi, "Dalam apa-apa perkara mengenai prosidur atau amalan yang tidak diperuntukkan dalam kaedah-kaedah ini, prosidur atau amalan yang sedang digunakan atau berkuatkuasa di Mahkamah Tinggi hendaklah, dengan sehampir yang boleh, diikuti dan diterima pakai." Aturan 16 k. 2(1) KMT 1980 menyebut, "Sesuatu permohonan minta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga boleh dibuat melalui saman secara *ex-parte* dalam Borang 24 tetapi Mahkamah boleh mengarahkan supaya saman ini disampaikan. Kerananya, hujah beliau, menurut A. l k. 4(1) KMR 1980, prosidur A. 16 k. 2(1) KMT 1980 adalah diikuti dengan mengamalkan bahawa permohonan tersebut dibuat secara *ex-parte* secara tradisi.

Saya berpendapat dalam kes ini tidaklah perlu digunakan (invoke) A. 1 k. 4(1) KMR 1980 oleh kerana ada prosidur dirumuskan dan aturan tersebut tidak relevan dalam kes ini.

Dengan alasan di atas saya dengan ini menolak rayuan ini dengan kos.